

UCAPAN OLEH: DATO' SERI DR. MAHATHIR BIN MOHAMAD
(PERDANA MENTERI)

UPACARA: MAJLIS PERASMIAN HARI GURU 1990

TEMPAT: PUSAT DAGANGAN DUNIA PUTRA (PWTC), KUALA LUMPUR (K.L)

TARIKH: 08 JUN 1990

MASA:

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

Yang Berhormat Encik Anwar Ibrahim,
Menteri Pendidikan;
Dif-dif kehormat;
Tuan-tuan dan puan-puan.

Alhamdulillah, bersyukur kita ke hadrat Allah Subhanahu
wa Ta'ala kerana dengan izinNya kita dapat bersama-sama
berkumpul dalam majlis perayaan Hari Guru tahun ini.

2. Saya berasa sukacita kerana sekali lagi dapat bertemu
dengan para guru sekalian. Hari Guru adalah satu acara yang
tersusun untuk menghargai para guru dalam masyarakat.
Sebenarnya di zaman dahulu kita tidak perlu diperingati akan
peranan dan martabat guru. Tetapi dahulu bilangan cerdik-
pandai tidak ramai dan guru mungkin hanya seorang sahaja
yang terpelajar dalam sesuatu kelompok masyarakat setempat.
Sekarang ini terdapat ramai yang terpelajar dan oleh itu
para guru menghadapi saingan sebagai punca pengetahuan.
Akan tetapi mereka yang terpelajar perlu diperingati bahawa
mereka meningkat ke taraf tersebut kerana guru. Sebab
itulah kita mengadakan secara formal usaha memperingati
masyarakat akan peranan guru dan pentingnya kita menghargai
guru dalam masyarakat sebagai sebahagian daripada kebudayaan
bangsa Malaysia.

Tuan-tuan dan puan-puan,

3. Peranan dan fungsi guru dalam dekad 90an ini sudah
tentunya berbeza berbanding dengan dekad-dekad sebelumnya.
Di masa dahulu guru hanya dikehendaki menyampaikan ilmu-ilmu
dan tradisi masyarakat kepada kanak-kanak yang akan mewarisi
masyarakat itu. Tujuannya ialah supaya masyarakat
kekal dengan pengetahuan dan kebudayaan yang telah sedia
ada. Perubahan tidak menjadi matlamat masyarakat. Dengan
penerimaan semua yang lama maka segala institusi lama akan
terpelihara daripada ancaman dan cabaran. Mereka yang
berkedudukan tertentu akan dapat mengekalkan tempat mereka.

4. Masyarakat yang konservatif yang wujud melalui sistem
ini mungkin lebih tenang, tetapi ia tidak mampu
mempertahankan diri jika diserang oleh masyarakat yang lebih
progresif. Kejatuhan negara-negara timur di tangan negara-
negara Barat adalah disebabkan negara-negara Timur
ketinggalan kerana sistem pelajaran dan kerana kebudayaannya

tidak berubah dan sebab itu masyarakat tidak maju. Tetapi bukan semua yang diterokai boleh membawa kebaikan. Justeru itu pemilihan yang bijak harus dibuat.

5. Hari ini kita hidup dalam masyarakat yang bersaing atau competitive society. Kita perlu bersaing bukan sahaja di antara individu dengan individu, tetapi juga di antara kumpulan dengan kumpulan, kaum dengan kaum dan negara dengan negara. Kita tidak dapat mengelakkan diri daripada saingan ini. Sudah tentu sistem pelajaran yang tidak mengambilkira iklim saingan ini akan menyebabkan masyarakat berkenaan ketinggalan.

6. Memang dalam saingan ini kita mungkin mendapat perlindungan dan bantuan. Benteng kita yang terkuat sekali hari ini ialah kuasa politik. Tetapi kuasa politik tidak boleh diharapkan kekal di tangan pihak yang bertanggungjawab. Politikus yang ingin sesuatu untuk diri sendiri boleh membelakangkan kepentingan masyarakat. Kitol dan Raja Mendeliar ada di mana-mana sahaja sepanjang zaman.

7. Justeru itu ilmu dan kemahiran yang sesuai dengan keadaan semasa amatlah penting bagi melindungi dan menjayakan sesuatu masyarakat. Ini menjadikan peranan guru dewasa ini tidak kurang penting daripada masa dahulu. Tetapi para guru hendaklah sanggup memikul beban ini bukan semata-mata kerana menampung sara hidup, tetapi sebagai tanggungjawab kepada bangsa dan negara. Sudah tentu jika negara maju nikmatnya akan dinikmati juga oleh para guru. Negara yang miskin kerana pendidikan yang tidak bermutu tidak mungkin memberi saraan yang baik kepada guru.

Tuan-tuan dan puan-puan,

8. Salah satu daripada tugas guru yang utama di zaman dahulu ialah memupuk budi pekerti yang baik di kalangan pelajar-pelajar. Memang benar ibu bapa bertanggungjawab terhadap pembentukan peribadi yang baik ini. Tetapi apabila ibu bapa menyerahkan anak mereka kepada guru di zaman dahulu, mereka berharap dan guru juga sedar bahawa peribadi anak mereka akan dibentuk oleh guru. Ini adalah oleh kerana guru dianggap lebih terpelajar daripada kebanyakan ibu bapa dan ibu bapa tidak begitu yakin mereka mengetahui perbezaan antara yang baik dan yang buruk dalam sistem nilai masyarakat.

9. Di zaman sekarang juga peranan guru dalam pembentukan peribadi murid, iaitu bakal warganegara dewasa, masih ada dan diperlukan. Perbahasan sama ada guru atau ibu bapa yang bertanggungjawab dalam hal ini tidak harus berlaku. Ibu bapa mempunyai tanggungjawab mereka dan guru juga mempunyai tanggungjawab.

10. Sementara ibu bapa tidak mungkin diberi latihan khusus berkenaan dengan cara pembentukan peribadi mulia, guru boleh diberi latihan ini kerana tidak semestinya setiap orang yang menjadi guru tahu secara tersendiri semua sistem nilai masyarakat, terutama yang mana yang baik yang harus dipupuk,

dan yang mana tidak harus diberi tekanan atau dihapuskan sama sekali. Sebenarnya didikan yang bertujuan membentuk peribadi yang mulia lebih penting daripada ilmu. Dalam masyarakat dewasa ini, penyalahgunaan ilmu oleh mereka yang berpengetahuan semakin meluas. Sebab itulah senjata-senjata yang kejam dicipta dan jenayah-jenayah yang besar dilakukan oleh orang-orang yang terpelajar. Sebab itulah juga penipuan yang besar berlaku dalam perniagaan dan perusahaan.

11. Keadaan yang ideal ialah apabila kita wujudkan melalui pendidikan satu masyarakat yang sopan dan mulia dan yang mempunyai cukup ilmu pengetahuan untuk membangun dan memajukan diri sendiri dan masyarakat. Walaupun unsur-unsur keturunan atau 'heredity' mempunyai peranan dalam menghadkan kebolehan seseorang, pendidikan moral dan ilmiah yang sesuai dan mencukupi akan dapat membangunkan potensinya ke tahap yang maksima sehingga dalam kerjayanya ia akan dapat menggunakan segala kebolehannya.

Tuan-tuan dan puan-puan,

12. Sebagai seorang anak kepada seorang guru yang tidak pernah lupa bahawa ianya adalah guru walaupun dirumahnya, dan sebagai murid dalam sistem pendidikan lama, di mana guru merupakan orang yang amat terpelajar dan terhormat dalam masyarakat, saya sedar tentang peranan yang amat berkesan yang dimainkan oleh guru. Saya hari ini adalah hasil daripada hubungan dan didikan guru-guru dalam kehidupan saya, terutama semasa di bangku sekolah selain daripada didikan di rumah oleh ibu bapa, abang-abang dan kakak-kakak. Saya berpendapat kesan didikan oleh guru-guru tidak kurang tetapi mungkin lebih daripada kesan didikan oleh keluarga. Dan masyarakat di mana-mana sahaja menerima hakikat peranan guru dalam pembentukan peribadi selain daripada penyampaian ilmu tertentu.

13. Saya yakin semua guru sedar akan hakikat ini. Tetapi masyarakat di Malaysia tidak mengangap didikan yang boleh membentuk peribadi yang mulia sebagai sama penting atau lebih penting daripada ijazah keilmuan. Masanya sudah tiba untuk kita menentukan keutamaan kita dan kita tekankan latihan kerohanian yang sesuai dengan zaman bersama-sama dengan didikan dalam bidang-bidang ilmu yang juga sesuai dengan pembangunan bangsa dan negara. Jika masyarakat sudah dapat menyusun keutamaannya dan percaya bahawa peribadi yang mulia adalah penting dalam menentukan kejayaan dan kebahagiaan, maka guru-guru patutlah diberi peranan utama dalam menyebarkan nilai-nilai ini kepada generasi muda. Insya-Allah akan terbentuklah satu masyarakat yang lebih baik dan lebih berjaya daripada yang ada sekarang.

Tuan-tuan dan puan-puan,

14. Tema Hari Guru tahun ini ialah 'Pendidikan Bermutu Masyarakat Sejahtera'. Pendidikan Bermutu bukan bermakna jenis ilmu tetapi penyampaian ilmu secara yang berkesan. Sungguhpun Pusat-Pusat Latihan Perguruan memberi latihan tentang cara-cara mengajar, tetapi ada guru yang terkenal dan disayangi oleh murid kerana cara ia mengajar memudahkan

penyerapan ilmu oleh murid-murid. Ada juga guru yang tidak begitu diminati oleh murid. Setiap guru harus tahu akan kualiti-kualiti dan cara-cara yang menjadikan sesetengah guru berkesan. Mereka seharusnya mengamalkan cara itu. Ini akan menjamin mutu pendidikan di negara ini berkesan dan tinggi.

15. Tetapi yang terpenting sekali untuk mengadakan didikan yang bermutu ialah dedikasi dan semangat guru itu sendiri; dedikasi dan semangat yang mengeneppikan soal-soal lain, termasuk soal-soal peribadi, semasa mengajar. Walau apa sekalipun masalah peribadi atau kumpulan yang dihadapi, semuanya harus diketepikan semasa menyampaikan pelajaran kepada murid.

16. Murid adalah sensitif terhadap segala-gala yang mempengaruhi fikiran dan sikap guru. Tumpuan murid-murid kepada pelajaran akan terpesong jikalau faktor-faktor lain mengganggu guru. Justeru itu untuk mewujudkan pendidikan yang bermutu, guru harus mengasingkan faktor-faktor lain daripada fikiran mereka semasa mengajar.

17. Ini tidak mudah dilakukan tetapi mutu atau kualiti memang pun tidak mudah dicapai. Hanya mereka yang teguh peribadi dan berdisiplin yang boleh mencapai mutu yang tinggi. Yang harus kita ingat ialah mereka yang berjaya mencapai mutu yang tinggi dalam mendidik murid akan berjaya dalam kehidupan mereka sendiri, insya-Allah.

18. Ini bermakna bukan sahaja Pendidikan Bermutu membawa kepada Masyarakat Sejahtera, tetapi juga guru yang memberi pendidikan bermutu akan mendapat ganjaran bagi dirinya. Tidak siapa yang akan rugi kerana dedikasi dan semangat yang berjaya menghasilkan Didikan Bermutu.

Tuan-tuan dan puan-puan,

19. Akhirnya saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Encik Anwar dan Jawatankuasa perayaan Hari Guru kerana menjemput saya ke majlis ini. Saya berdoa semoga perayaan Hari Guru ini akan mengeratkan lagi silaturahim dan hubungan baik di antara para guru dengan masyarakat keseluruhannya.

Wabillahi taufik walhidayah wassalamu alaikum warahmatullahi wabarakatuh.